

Banjir kilat kerana air sungai melimpah

# Derita 'lemas' 28 tahun

Oleh LUQMAN HAKIM  
RAHIM dan AZIZI MAJID  
berita@kosmo.com.my

 anda SMS  
kami siasat

**KAJANG** - Para penduduk Kampung Paya, Batu 14, Jalan Cheras, Kajang, di sini mendakwa semakin 'lemas' menghadapi masalah banjir kilat setiap tahun dan keadaan itu sudah berlarutan sejak 28 tahun lamanya.

Keadaan itu lebih memeritkan terutama pada musim hujan kerana Sungai Air Jernih, akan melimpah sehingga menenggelami rumah mereka sekali gus merosakkan harta benda.

Tinjauan **KOSMO!** hasil aduan penduduk menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) mendapati, sungai berkenaan dipenuhi dengan sampah-sarap dan pelbagai lagi sisa buangan domestik bertaburan tanpa penyelenggaraan yang sewajarnya.

Saiz sungai juga kecil seperti sebatang parit dan tidak mampu menampung kapasiti pengaliran air yang banyak serta boleh menyebabkan banjir kilat.

Anak jati Kampung Paya, Datuk Ujang Bagong, 85, berkata, ia berpunca daripada keadaan sungai di kawasan itu yang tidak diselenggarakan dengan baik oleh pihak berwajib.



**HARUN**

"Kawasan kampung ini juga terletak di kawasan rendah memudahkan ia ditenggelami tetapi itu bukan alasan untuk membiarkan perkara ini," ujarnya.

Tambah Ujang, jika masalah aliran sungai itu tidak diberi perhatian segera, mereka akan sentiasa berhadapan dengan bahaya banjir.

Marienee Mohd. Noor, 50, pula berkata, banjir kilat yang kerap berlaku telah mengakibatkan hidup penduduk sukar.

"Tak sampai dua jam lepas hujan pasti air akan naik hingga mencapai ke




**MARIENEE**

paras lantai rumah. Kesukaran dirasai ketika membersihkan rumah yang turut dimasuki sampah sarap dan lumpur," katanya.

Bagi Harun Bagong, 70, yang telah menetap di sana selama 50 tahun berkata, jarang sekali pihak berwajib turun padang meninjau ke kampungnya jika berlaku banjir.

"Hanya sekali sahaja mereka datang ke sini iaitu pada awal tahun lalu. Bagaimanapun, sehingga kini tiada langsung tindakan diambil untuk membesarkan sungai itu," katanya.

Kosmo 29/06/06.



**SUNGAI Air Jernih, Kampung Paya, Kajang yang sering banjir kilat setiap kali musim hujan.**